



Ruj. Kami : Bil (45) dlm. BPFK/PPO/03/02 Bhg 3

Tarikh: 25 Mei 2010

SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN

Presiden

**Persatuan Industri Farmaseutikal Malaysia (MOPI) /
Malaysian Organisation of Pharmaceutical Industries**

1st Floor, Wisma Yan,
No. 17 & 19, Jalan Selangor,
46050 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

Pengarah Eksekutif

**Persatuan Farmaseutikal Malaysia (PhAMA) /
Pharmaceutical Association of Malaysia**

C-37-3, Block C, Jaya One,
72A, Jalan Universiti,
46200 Petaling Jaya.

Tuan / Puan,

PELANCARAN MODUL PENILAIAN PENUH QUEST3

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa QUEST3 akan mula beroperasi secara berperingkat-peringkat mulai 1 Jun 2010. Sebagai permulaan, dua (2) modul akan dilancarkan iaitu:

- i) Pendaftaran Penuh – melibatkan Produk Preskripsi dan Bukan Preskripsi (kecuali Produk Veterinar)
- ii) Penjualan Piawai Rujukan dan "Type Cultures"

3. Sehubungan dengan itu, semua permohonan pendaftaran produk penilaian penuh untuk produk preskripsi dan bukan preskripsi (OTC) mestilah dikemukakan melalui sistem QUEST3 mulai **1 Jun 2010**. Permohonan pendaftaran bagi produk-produk ini melalui sistem QUEST 2 akan ditamatkan pada 31 Mei 2010. Walau bagaimanapun, penilaian keatas permohonan produk-produk yang telah dibuat melalui sistem QUEST 2 sebelum 1 Jun 2010 akan diteruskan sehingga selesai proses pendaftaran.

4. Untuk makluman tuan, cara permohonan pendaftaran produk dengan sistem QUEST 3 adalah sama seperti sistem QUEST 2 iaitu melalui laman sesawang BPFK dengan menggunakan "log-in ID" yang sama, katalaluan "Quest3" serta "authentication" Digicert. Tuan akan diminta untuk menukar katalaluan semasa tuan "log-in" buat kali pertama.

5. Tuan/puan bolehlah menghubungi Cik Nurul Fajar (No. Tel: 78835555, e-mail: fajar@bpfk.gov.my), Cik Zafiah (No. Tel: 78835558, e-mail: zafiah@bpfk.gov.my) ataupun menghantar e-mail kepada quest3@bpfk.gov.my sekiranya tuan/puan memerlukan maklumat tambahan ataupun bantuan dalam perkara ini.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menurut perintah,



(SELVARAJA SEERANGAM)

Pengarah Regulatori Farmasi
Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k. Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia